

# Pantai Kelanang perlukan promosi

Penganjuran aktiviti besar-besaran mampu memperkenalkan pantai peranginan itu kepada pengunjung.

NURUL FIRDAUS KHAIRI

**KELANANG** - Isu Pantai Kelanang tidak mendapat sambutan pengunjung sebenarnya tidak timbul jika pelbagai pihak memainkan peranan dalam usaha mempromosikan pantai peranginan berkenaan.

Menurut Adun Morib, Hasnul Baharudin, beliau memahami rungutan peniaga di pantai berkenaan yang mengeluh dengan hasil pendapatan kecuali jika ada penganjuran aktiviti di situ sahaja.

Jelas beliau, jika pelbagai promosi dan perancangan aktiviti dilakukan pastinya Pantai Kelanang akan menjadi tumpuan ramai pengunjung dan para peniaga akan mendapat manfaatnya.

"Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah

Sani Abdul Hamid sendiri sudah memaklumkan Pantai Kelanang dicadangkan menjadi lokasi pertandingan memancing tahunan memandangkan aktiviti itu mendapat perhatian umum.

"Isu tiada pengunjung sebenarnya tidak timbul, namun pelbagai perancangan akan disusun bagi memastikan semua pihak mempromosikan Pantai Kelanang kepada umum sama seperti di Pantai Morib," katanya kepada Sinar Harian ketika bertemu peniaga di Pantai Kelanang, kelmarin.

Hasnul mengakui, kesemua peniaga yang ditemui memaklumkan hasil pendapatan sepanjang hari pertandingan Santai Pancing anjuran MDKL yang diadakan kelmarin berlipat kali ganda sekaligus mengharap



SHAFFIE

program seperti itu lebih kerap diadakan.

Bagi seorang peniaga roti canai, Mohd Shaffie Abu Samah, 40 berkata, dia turut mengakui peniaga boleh tersenyum apabila terdapat aktiviti besar dianjurkan di Pantai Kelanang.

Menurutnya, jika tiada langsung program, kebanyakan gerai di sini kurang mendapat sambutan

sehingga peniaga terpaksa membuka gerai mereka pada sebelah petang sahaja dan terdapat peniaga hanya berniaga pada hujung minggu sahaja.

"Sebagai peniaga, saya memang mengharap ada aktiviti dianjurkan di Pantai Kelanang supaya dapat menarik minat pengunjung sekaligus gerai di sini dipenuhi pengunjung.

"Kalau tidak, memang keadaan gerai di sini lengang tanpa pengunjung yang ramai," katanya.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan peniaga menyambut baik sekiranya lebih banyak program diadakan di Pantai Kelanang memandangkan mereka sukar menjana pendapatan berikutan Pantai Kelanang tidak mendapat sambutan ramai.



Hasnul sempat meluangkan masa bersama peniaga mendengar keluhan mereka.

## Pekan Banting dilanda banjir kilat

**BANTING** - Hujan lebat yang melanda di Pekan Banting malam kelmarin menyebabkan banjir kilat berlaku di beberapa kawasan sekitar.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, melalui maklumat JPS Kuala Langat, banjir kilat itu disebabkan jumlah taburan hujan luar biasa yang mencecah 60 milimeter dan menyebabkan beberapa kawasan di pekan Banting dinaiki air.

Menurutnya, pihak MDKL segera menggerakkan

Skuad PANTAS MDKL bagi memantau keadaan banjir kilat yang berlaku.

"Antara kawasan yang mengalami banjir kilat seperti di Jalan Bunga Pekin 2, Jalan Bunga Pekin 3 dan di rumah kakitangan MDKL di Persiaran Majlis.

"Dalam masa yang sama juga, pihak JPS Kuala Langat telah membuka kunci air pada jam 11.30 malam (kelmarin) bagi memastikan banjir kilat yang berlaku di pekan Banting segera surut," katanya kepada Sinar Harian.

Selain daripada Skuad

PANTAS, pihak MDKL juga menggerakkan penyelia kawasan bagi meninjau dan melihat dengan lebih dekat banjir kilat yang berlaku sehingga jam 3 pagi.

Katanya, hasil pemantauan yang dilakukan, tiada berlaku sebarang masalah langgang yang tersumbat yang boleh menyebabkan banjir kilat.

"Banjir kilat berkenaan surut sepenuhnya sekitar jam 1.30 pagi semalam.

"Dalam kejadian tersebut juga tiada kemalangan jiwa yang berlaku," katanya.



Keadaan Pekan Banting yang dilanda kejadian banjir kilat.

**DARI MATA TINTA**  
SELANGOR FM

**CHEF SUHAILI**  
Chef Alaf 21

**DISKAUN 25%**  
DENGAN MENGGUNAKAN KOD INI KDK

**TARIKH 27 DISEMBER 2017 RABU**

**MASA 3.10 PETANG - 3.40 PETANG**

**FREKUENSI 100.9 FM**

**CEPAT & MUDAH**  
Dapatkan buku ini dengan DISKAUN ISTIMEWA 25% menggunakan kod KDK dan bantarkan kepada 019-2297227 (Karangkraf Mall) melalui aplikasi Whatsapp.

ALAF 21

# Bantuan bakal ringan beban

Golongan ibu bersyukur Kiss mampu selesaikan isu keperluan barangan dapur

KUALA LANGAT - Program Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) yang diperkenalkan kerajaan negeri disifatkan bakal membantu golongan wanita berpendapatan rendah.

Tinjauan Sinar Harian di daerah ini mendapati, kebanyakan wanita yang ditemui memberitahu tidak sabar menanti pelaksanaan Kiss yang bakal memberikan bantuan kewangan RM200 setiap bulan selama setahun itu.

Bagi seorang kakitangan kerajaan, Maziah Abd Rahman, 46, berkata, dia telah memohon bagi pihak ibunya, Noriam Mat Wajib, 74, sebagai usaha membantu ibunya supaya layak menerima bantuan RM2,400 setahun atau RM200 setiap bulan.

Menurutnya, dia maklum akan bantuan berkenaan melalui internet dan surat khabar termasuk di Sinar Harian, beranggapan bantuan berkenaan mampu membantu golongan berpendapatan rendah meringankan beban perbelanjaan bulanan mereka.

"Akak fikir bila dah ada bantuan seumpama ini, membolehkan ibu-ibu terlibat membeli barangan keperluan asas secara konsisten.

"Akak pun ada maklum kepada kawan-kawan mengenai Kiss ini tapi terpolang pada mereka nak isi borang



Rodiana bersama rakan, sedang melayan pelanggan yang membeli kuih di geraiinya.

atau tidak," katanya yang mempunyai enam anak yang masih bersekolah.

Kata Maziah, jika pemohon layak, apa salahnya mengambil peluang, sekurang-kurangnya dapat bantu meringankan beban keluarga terutama yang mempunyai anak ramai sepertinya.

Ujarnya, pada tahun ini sahaja dia memperuntukkan sekitar RM3,000 untuk persiapan sekolah dan pendidikan anak-anaknya yang berumur tiga hingga sembilan

tahun.

Bagi Siti Norlizah Rosman, 37, dari Kampung Kundang berkata, dia sudah membuat permohonan pada Selasa lalu selepas mendapat maklumat melalui sistem aplikasi WhatsApp daripada pejabat Adun di situ.

Katanya, pada asalnya, dia hanya hantar permohonan kad peduli sihat dan selepas itu dimaklumkan mengenai bantuan Kiss berkenaan.

"Pada akak Kiss bakal memberi bantuan yang konsisten kerana

setahun mereka memperoleh bantuan terus berjumlah RM2,400 berbanding bantuan lain.

"Macam bantuan lain biasanya kita beri kepada ketua keluarga tapi Kiss nanti diberikan kepada golongan ibu pula," katanya.

Bagi seorang penjual kuih di Kelanang, Rodiana Mat, 33, berkata, dia memang berhasrat memohon bantuan Kiss berkenaan selepas mendapat maklumat dari laman sosial Facebook.

Katanya, dia memang berharap permohonannya nanti diterima memandangkan pendapatannya bulannya susah hendak mencecah RM100 sebulan kerana berniaga pada hujung minggu di Pantai Kelanang.

"Kadang-kadang pernah mendapat jualan hanya sekitar RM8 sehari sahaja...Sebab tu bila ada bantuan Kiss ni akak teruja nak mohon, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban Akak.

"Melalui Kiss nanti, ibu di Selangor seperti Akak akan dapat kemudahan bekalan makanan asas seperti beras, minyak masak dan tepung. Itu pun dah bersyukur sangatlah," katanya yang berharap sangat bantuan itu memberi faedah kepada ramai wanita di Selangor dan bukannya cagak-cagak kosong.

REAKSI



**Kos sara hidup tinggi hari ini sebenarnya membolehkan kebanyakan ibu mengambil peluang yang ada melalui bantuan seperti itu.**  
- Suri Rumah, Salmah Sarion, 56,



**Ini satu bentuk kebajikan kepada golongan ibu. Jika layak pembelian barangan dapur pasti terjamin. Selalu kita dengar, masih ada keluarga yang tak dapat beli keperluan dapur sebab tak mampu.**  
- Suri rumah, Siti Norazni Rosman,



**Bila dengar Kiss ni, mula-mula macam tak percaya ada ke orang nak bagi bantuan kepada kaum ibu? Tapi bila ramai dah bercerita dan kongsi maklumat, memang kena mohon segera.**  
- Peniaga, Lily Rosmah Aini Kamarudin, 45

## Pemohonan Kiss di Rawang laris

RAWANG - Penerimaan rakyat Rawang bagi program Kiss sangat menggalakkan dengan jumlah permohonan diterima setakat ini mencecah 700 orang dan angkanya dijangka meningkat kepada 1,000 orang dalam masa terdekat.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, program tersebut menarik perhatian rakyat yang membuat permohonan lebih awal sebelum sempat promosi di peringkat Dun dilaksanakan.

Menurutnya, ramai yang memohon disebabkan masalah ekonomi dan kos sara hidup yang menghimpit, ditambah pula dengan pembukaan sekolah sesi 2018.

"Terlalu ramai yang membuat permohonan dan berharap diluluskan segera bagi membolehkan wang tersebut digunakan untuk belanja sekolah anak-anak.

"Namun, pejabat Dun masih di peringkat tapisan



Pei Nei menyemak borang Kiss pemohon di pejabatnya terletak di Taman Bersatu, di sini.

dan pemilihan akan diberikan kepada pemohon yang benar-benar layak," katanya.

Katanya, tapisan ketat dilakukan seiring dengan peruntukan RM72 juta kepada 30,000 penerima oleh kerajaan negeri atau bantuan sebanyak 535 orang bagi setiap Dun.

"Bagi permohonan yang ditolak, kita akan cuba serapkan ke bantuan-

bantuan lain yang terdapat dalam program kerajaan negeri," katanya.

Pei Nei berkata, selain promosi di peringkat kerajaan negeri, Dun Rawang turut menggunakan khidmat hebahian melalui laman sosial Facebook, Ahli Majlis Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan pejabat Dun melalui rekod data terkumpul.

## Tak tahu kewujudan Kiss

KLANG - Masih ramai di kalangan kaum wanita di negeri ini yang tidak sedar berkenaan pelaksanaan program Kiss melalui Inisiatif Peduli Rakyat oleh Kerajaan Selangor.

Kakitangan kerajaan, Norfairus Mohd Norden, 39, berkata, dia hanya menyedari kewujudan program itu ketika ditemui ramah dan dimaklumkan oleh wartawan Sinar Harian.

"Saya memang tak tahu sebelum ini, bila diberi penerangan saya memang tidak layak dari segi kriteria yang disyaratkan iaitu pendapatan.

"Bagaimanapun saya memang tertarik dengan intipati yang terkandung dalam program itu yang ternyata dapat membantu golongan ibu dan isi rumah dari segi mendapatkan bantuan bekalan asas," katanya.

Beliau yang tinggal di Taman Seri Andalas berkata, pihaknya berharap golongan ibu yang layak agar tidak melepaskan peluang dengan membuat permohonan segera.

Warga emas, Siti Mazinah Muslimin, 74, juga mengakui dia tidak tahu menahu berkenaan dengan pelaksanaan program berkenaan.

"Bila awak (wartawan) terangkan baru makcik tahu, memang baik dan banyak faedahnya program ini.

"Ia sangat membantu dari segi kewangan bagi mereka yang tak mampu...Makcik tak pasti layak atau tak memandangkan makcik tinggal bersama anak-anak yang bekerja dan pendapatannya melebihi RM2,000," katanya yang sudah kematian suami.